

DBKL kena pertimbangkan tawar lesen kepada 165 penjaja



DR ZALIHA

PUTRAJAYA - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diarahkan untuk mempertimbangkan 165 tapak penjaja tanpa lesen di Bazaria Wangsa Maju ke dalam senarai pemutihan untuk ditawarkan lesen melalui inisiatif Lestari Niaga.

Bagaimanapun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, ia tertakluk kepada

syarat-syarat yang telah ditetapkan.

"Mereka yang telah diberi lesen untuk kembali berniaga kelak akan ditempatkan semula di kawasan gerai berlesen Bazaria Wangsa Maju atau di mana-mana lokasi yang berdekatan," katanya menerusi kenyataan pada Jumaat.

Ujar beliau, perobohan ke atas 165 tapak penjaja tanpa lesen itu adalah tindakan penguatkuasaan

yang dilaksanakan DBKL.

"Penguatkuasaan ini dilakukan kerana telah ia menimbulkan polemik kepada peniaga berlesen di tapak sedia ada dan kacau ganggu seperti aliran trafik, penggunaan air serta elektrik yang diambil dari sumber yang tidak sah," katanya.

Tambah beliau, kapasiti tapak sementara Bazaria Wangsa Maju pada masa ini mampu menempat-

kan 500 tapak untuk peniaga berlesen.

"Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) komited untuk memastikan penjaja yang berdaya saing di Kuala Lumpur diberi peluang melalui inisiatif Lestari Niaga untuk meneruskan perniagaan mereka secara sah dengan tapak gerai yang lebih kondusif dan berstruktur," katanya.